

16 JUL 1999

MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Islam

PUTRAJAYA, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat ke-40 Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Mesyuarat itu membincangkan usaha untuk meningkatkan syiar Islam dan membendung ajaran sesat di kalangan umat Islam.

Yang turut dibincangkan ialah usaha penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam seluruh Malaysia.

Mesyuarat itu juga membincangkan cadangan peruntukan pengendalian peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman turut hadir pada perbincangan lebih dua jam itu.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Menteri Besar Pahang Datuk Adnan Yaakob, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin, Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Haji Sukam, wakil-wakil Menteri Besar dan Ketua Menteri yang lain serta Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

-- BERNAMA

MNY AFY NMO